



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PENUTUPAN KURSUS PENGUKUHAN
PROFESIONALISME OKU PENGLIHATAN MEMBINA
KEYAKINAN**

**10 APRIL 2013 (RABU)
3.00 PETANG
HOTEL ADAMSON, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saudara pengerusi majlis;

YBhg. Hj. Dato' Sheikh Shawalludin Yusof

Penasihat Kebangsaan

Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia;

En. Jaafar Bin Md. Isa

Presiden

Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia;

Para hadirin sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan Kudrat, Iradat dan Inayah-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini, dalam **Majlis Penutupan Kursus Pengukuhan Professionalisme OKU Penglihatan Membina Keyakinan**, anjuran Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji penganjuran kursus sebegini dan berasa amat bertuah kerana diberi peluang bersama-sama golongan OKU Penglihatan dan seterusnya merasmikan majlis ini.

Para hadirin yang saya hormati,

PENGALAMAN PERIBADI KSN BERSAMA GOLONGAN OKU PENGLIHATAN

2. Mengimbau kembali kenangan sewaktu saya sedang menuntut di Universiti Malaya, saya **bergiat aktif** dalam program membaca kepada pelajar OKU Penglihatan yang dianjurkan oleh pihak universiti. Pengalaman tersebut merupakan antara **kenangan termanis dan berharga** ketika berada di universiti kerana saya berpeluang untuk berkenalan dengan lebih rapat golongan istimewa ini, di samping dapat **merasai dan memahami** cabaran yang dihadapi mereka.

PERTUBUHAN PEMBANGUNAN ORANG BUTA MALAYSIA

3. Sebagaimana para hadirin mungkin sedia maklum, Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) telah ditubuhkan pada tahun 2003. Matlamat penubuhannya adalah **memberi peluang saksama dan penyertaan sepenuhnya** daripada orang buta tanpa mengira faktor keturunan bangsa dan warna kulit. Ia juga bertujuan untuk **menyediakan sumber dan**

perkhidmatan bagi pembangunan sosioekonomi golongan OKU Penglihatan di Malaysia, termasuk melalui peluang pekerjaan dan memupuk kesedaran berdirikari. Usaha PPOBM untuk memartabatkan golongan OKU Penglihatan amatlah dihargai kerana ia memberi erti yang besar kepada mereka.

Hadirin sekalian,

PENYERTAAN GOLONGAN OKU PENGLIHATAN SEBAGAI TENAGA KERJA

4. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 57 tahun yang lalu, kita telah dapat mengecapi pelbagai bentuk kemajuan. **Semua pihak, termasuk golongan OKU turut sama menyumbang kepada pembangunan pesat negara.** Tidak kira sumbangan kecil atau besar, hakikatnya saya percaya setiap insan yang bersama-sama saya pada petang ini telah berbakti kepada negara, walau melalui cara yang berbeza.

5. Kini, dengan kemajuan dan kemudahan teknologi, saya percaya golongan OKU mampu merebut peluang-peluang yang ada untuk turut sama-sama **bergerak seiring bersama rakyat** dalam membantu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Malah mereka berpotensi untuk menjadi insan yang lebih cemerlang, seandainya diberi peluang dan ruang yang sesuai serta secukupnya. Selaras dengan itu, pihak kerajaan akan terus membantu menyediakan kemudahan dan menyokong penglibatan OKU di negara ini.

6. Kemasukan OKU dalam sektor awam dari jawatan kerani hinggalah ke jawatan pegawai menjelaskan **komitmen pihak kerajaan** untuk **melibatkan semua** yang berkelayakan dalam usaha untuk membangunkan Negara. Di

bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2008 (Pelaksanaan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya), kerajaan telah bersetuju supaya pengambilan OKU pada kadar sekurang-kurangnya satu peratus dalam perkhidmatan awam. Sehingga kini, terdapat sejumlah 2,186 pegawai awam OKU, di mana **400 pegawai terdiri daripada mereka yang kurang upaya penglihatan.**

Para hadirin yang saya hormati,

INSENTIF DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN BAGI OKU

7. Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, pihak kerajaan memberikan komitmen sepenuhnya dalam membantu dan menyokong golongan OKU untuk lebih berdikari. Pelbagai insentif telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi membangunkan dan melonjak potensi golongan OKU. Ini termasuk melalui bantuan-bantuan seperti:

- i. **Geran Pelancaran (GP)** yang membolehkan golongan OKU terlibat dalam bidang perniagaan;
- ii. **Skim Galakan Bantuan Perniagaan** bagi golongan OKU mengembangkan perniagaan;
- iii. **Elaun Pekerja Cacat** bagi menggalakkan golongan OKU terus bekerja dan berdikari;
- iv. **Perkhidmatan *Job Coach*** sebagai sokongan kepada golongan OKU dan majikan bagi membantu OKU kekal dalam pekerjaan mereka; dan
- v. **Program 1 Azam** (Akhiri Zaman Miskin) diberi kepada golongan OKU yang mempunyai minat dan kemahiran dalam bidang perniagaan, pertanian, perkhidmatan, pekerjaan.

8. Selain itu, pihak kerajaan turut menyediakan kemudahan untuk membantu meringankan beban pihak OKU. Antara kemudahan lain yang diberikan oleh Kerajaan ialah:

- i. **Bantuan Kewangan Pelajar OKU di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang pengajian;
- ii. **Pelepasan cukai pendapatan** kepada OKU dan pasangan yang OKU;
- iii. **Pengecualian bayaran dokumen perjalanan** (pasport);
- iv. **Pengecualian bayaran rawatan perubatan**; dan
- v. **Diskaun tambang** kapal terbang, LRT dan keretapi.

9. Untuk makluman para hadirin sekalian, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan melaksanakan projek perintis **TASKA OKU** pada tahun 2013. Projek ini akan melibatkan 6 kategori kanak-kanak OKU iaitu sindrom down, autisme, penglihatan, pekak, fizikal dan masalah pembelajaran. Penubuhan TASKA OKU ini bertujuan untuk membantu kanak-kanak OKU mendapat asuhan dan pendidikan awal yang berkualiti serta sesuai dengan ketidakupayaan mereka.

10. Selain itu, perancangan masa hadapan kerajaan akan berfokus kepada **memperkasakan golongan OKU** melalui pekerjaan dan program pemerksaan ekonomi serta **meningkatkan aksesibiliti OKU** kepada persekitaran alam bina.

Hadirin sekalian,

PROGRAM UNTUK MEMANFAATKAN GOLONGAN OKU

11. Saya yakin bahawa segala aktiviti dan program anjuran PPOBM akan melahirkan OKU Penglihatan yang produktif serta berdaya saing. Namun begitu, usaha murni ini akan terbantut sekiranya tiada sambutan dari individu itu sendiri. Latihan dan kursus jangka pendek yang melibatkan OKU Penglihatan dari sektor awam dan swasta mampu meningkatkan modal insan yang berkualiti. Latihan sebegini yang diadakan untuk **memberi *added value*** kepada golongan istimewa ini adalah satu usaha murni dan disanjung tinggi kerana kita perlu sentiasa menimba ilmu tidak kira sebesar mana cabaran yang kita hadapi.

12. Saya menggesa pihak kerajaan dan swasta untuk **bersama-sama memberi peluang yang sewajarnya kepada golongan OKU**. Saya pasti bahawa kita memiliki sikap yang telah berubah dan mempunyai *greater willingness* untuk membuka pintu dan memberi peluang kepada golongan ini untuk mengambil bahagian dalam kerja yang berkesan dan meningkatkan potensi mereka. Sikap pilih kasih kerana kecacatan atau ketidakupayaan perlu diketepikan sewaktu menilai mereka, kerana kita semua ingin dinilai secara adil.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada PPOBM atas penganjuran kursus ini. Ucapan tahniah juga kepada para peserta kursus yang saya percaya terdiri daripada mereka yang **proaktif**, merebut peluang yang ditawarkan untuk **memperbaiki diri** agar **mampu berdiri setanding dengan masyarakat** yang lain. Saya amat

berharap hasil daripada kursus sebegini akan melahirkan lebih ramai golongan OKU Penglihatan yang semakin berjaya dalam semua usaha anda.

14. Dengan ini, dan dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Kursus Pengukuhan Profesionalisme OKU Penglihatan Membina Keyakinan. Sekian.